JUZU' KE-28
SURAH
AL-MUNAFIQUN

سُورَةُ الْمُنَافِقُونَ

SURAH KE

63

SURAH AL-MUNAFIQUN

Surah Orang-orang Yang Munafiq

(Madaniyah)

JUMLAH AYAT

11

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

إِذَا جَاءَكَ الْمُنَافِقُونَ قَالُوا نَشْهَدُ إِنَّكَ لَرَسُولُ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّكَ لَرَسُولُهُ وَاللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَكَاذِبُونَ ﴿١﴾

اتَّخَذُوا أَيْمَانَهُمْ جُنَّةً فَصَدُّوا عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ ۚ إِنَّهُمْ سَاءَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٢﴾

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ آمَنُوا ثُمَّ كَفَرُوا فَطُبِعَ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَفْقَهُونَ ﴿٣﴾

وَإِذَا رَأَيْتَهُمْ تُعْجِبُكَ أَجْسَامُهُمْ ۖ وَإِنْ يَقُولُوا تَسْمَعْ لِقَوْلِهِمْ ۖ كَأَنَّهُمْ خُشُبٌ مُسَنَّدَةٌ ۖ يَحْسَبُونَ كُلَّ صَيْحَةٍ عَلَيْهِمْ ۚ هُمُ الْعَدُوُّ فَاحْذَرْهُمْ ۚ قَاتَلَهُمُ اللَّهُ ۖ أَنَّىٰ يُؤْفَكُونَ ﴿٤﴾

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا يَسْتَغْفِرْ لَكُمْ رَسُولُ اللَّهِ لَوَّوْا رُءُوسَهُمْ وَرَأَيْتَهُمْ يَصُدُّونَ وَهُمْ مُسْتَكْبِرُونَ ﴿٥﴾

سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ أَسْتَغْفَرْتَ لَهُمْ أَمْ لَمْ تَسْتَغْفِرْ لَهُمْ لَنْ يَغْفِرَ اللَّهُ لَهُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿٦﴾

هُمُ الَّذِينَ يَقُولُونَ لَا تُنْفِقُوا عَلَىٰ مَنْ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ حَتَّىٰ يَنْفَضُّوا ۗ وَلِلَّهِ خَزَائِنُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَا يَفْقَهُونَ ﴿٧﴾

يَقُولُونَ لَئِنْ رَجَعْنَا إِلَى الْمَدِينَةِ لَيُخْرِجَنَّ الْأَعَزُّ مِنْهَا الْأَذَلَّ ۚ وَلِلَّهِ الْعِزَّةُ وَلِرَسُولِهِ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَلَٰكِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٨﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تُلْهِكُمْ أَمْوَالُكُمْ وَلَا أَوْلَادُكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ ۚ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَٰلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ ﴿٩﴾

وَأَنْفِقُوا مِنْ مَا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُنْ مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٠﴾

وَلَنْ يُؤَخِّرَ اللَّهُ نَفْسًا إِذَا جَاءَ أَجَلُهَا ۚ وَاللَّهُ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١١﴾

"Apabila orang-orang Munafiq itu datang menemuimu mereka berkata: Kami menyaksikan bahawa engkau adalah utusan dari Allah. Dan Allah mengetahui bahawa sesungguhnya engkau adalah utusan-Nya dan Allah menyaksi bahawa sesungguhnya orang-orang Munafiq itu adalah para pembohong belaka(1). Mereka menjadikan sumpah-sumpah mereka sebagai perisai, lalu mereka menghalangi (orang ramai) dari agama Allah. Sesungguhnya amatlah buruk perbuatan yang dilakukan mereka(2). Sebabnya ialah kerana mereka telah beriman kemudian mereka kembali menjadi kafir, lalu Allah menutupkan hati mereka dan kerana itu mereka tidak mengerti(3). Dan apabila engkau melihat mereka engkau akan tertarik kepada tubuh badan mereka, dan apabila mereka bercakap engkau akan mendengar percakapan mereka. Mereka seolah-olah kayu yang tersandar, mereka menyangka segala teriakan itu ditujukan kepada mereka. Merekalah musuh, kerana itu hendaklah engkau berwaspada terhadap mereka. Semoga Allah memerangi mereka. Bagaimana mereka boleh dipesongkan (dari kebenaran)?(4). Dan apabila dikatakan kepada mereka: Marilah kamu (bertaubat) supaya Rasul memohon keampunan untuk kamu, mereka menggelengkan kepala mereka dan engkau akan melihat mereka terus

berpaling dan bersikap angkuh(5). Sama sahaja kepada mereka, sama ada engkau memohon keampunan atau tidak memohon keampunan untuk mereka, Allah tidak akan mengampunkan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada golongan orang-orang yang fasiq(6). Merekalah orang-orang yang berkata (kepada kaum Ansar): Janganlah kamu mengeluarkan perbelanjaan kepada mereka yang berada di sisi Rasulullah (kaum Muhajirin) supaya mereka berpisah darinya. Sedangkan Allahlah yang memiliki perbendaharaan-perbendaharaan langit dan bumi tetapi orang-orang Munafiq itu tidak mengeri(7). Mereka berkata: Jika kami kembali ke Madinah (dari Peperangan Bani al-Mustaliq) nescaya orang yang mulia akan menghalaukan orang yang hina (Muhammad dan sahabat-sahabat) darinya. Sedangkan kemuliaan itu adalah milik Allah dan Rasul-Nya dan orang-orang Mu'min seluruhnya, tetapi orang-orang Munafiq tidak mengetahui(8). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu dilekakan oleh harta benda kamu dan anak-anak kamu dari mengingati Allah. Barang siapa yang berbuat demikian, merekalah orang-orang yang rugi(9). Dan belanjakanlah rezeki yang telah Kami kurniakan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu dikunjungi maut, lalu ia pun berkata: Wahai Tuhanku! Mengapakah tidak Engkau tempohkan ajalku kepada satu tempoh yang dekat (sebentar) supaya dapat aku bersedekah dan menjadi dari orang-orang yang soleh?(10). Dan Allah tidak akan menempuhkan seseorang apabila telah tiba ajalnya, dan Allah Maha Mengetahui segala perbuatan yang dilakukan mereka."(11)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini yang membawa nama khusus **"Al-Munafiqun"** yang membicarakan keperihalan orang-orang Munafiq bukanlah merupakan satu-satunya surah yang membicarakan sifat nifaq (hipokrit) dan keperihalan kaum Munafiqin dan tipu daya mereka, malah semua surah-surah yang diturunkan di Madinah tidak sunyi dari menyinggung kaum Munafiqin baik secara sindiran mahupun secara terus-terang. Tetapi surah ini hampir-hampir khusus membicarakan tentang keperihalan kaum Munafiqin dengan menyebut beberapa peristiwa dan kata-kata yang diceritakan telah berlaku dan diucapkan mereka.

Surah ini mengandungi kecaman yang keras terhadap perangai kaum Munafiqin dan pembohongan-pembohongan, tipu daya-tipu daya, pakatan-pakatan dan tindak-tanduk mereka yang jahat, juga dendam-kesumat dan rancangan-rancangan jahat mereka terhadap kaum Muslimin yang tersimpan di dalam hati mereka, juga sifat-sifat keji, pengecut dan buta mata hati nurani mereka.

Tidak ada pembicaraan yang lain di dalam surah ini selain dari pembicaraan-pembicaraan tersebut kecuali satu peringatan yang disebut pada akhir surah ini ditujukan kepada orang-orang yang beriman untuk mengingatkan mereka supaya jangan terbabit dengan mana-mana sifat orang-orang Munafiq walaupun dari jauh. Darjat sifat nifaq yang paling bawah sekali ialah ketidaktulusan kepada Allah dan kelalaian dari mengingati Alah kerana leka dan sibuk dengan harta benda dan anak-pinak, dan menempuh-nempuh untuk membelanjakan harta bagi kepentingan agama Allah sehingga tiba hari kedatangan maut yang tidak lagi berguna segala pendermaan dan sedekah.

Gerakan hipokrit yang bermula dengan kemasukan Islam ke negeri Madinah dan berterusan sehingga hampir wafatnya Rasulullah s.a.w. dan lebih kurang hampir-hampir tidak terputus pada mana-mana waktu walaupun fenomena-fenomena dan sarana-sarananya berubah-ubah dari satu masa ke satu masa... gerakan ini memberi kesan yang jelas dalam sejarah zaman ini dan di dalam perkembangan peristiwa-peristiwanya. Gerakan ini telah menelan sebahagian besar dari waktu dan tenaga kaum Muslimin. Dan ia disebut berulang-ulang kali di dalam Al-Qur'anul-Karim dan di dalam al-Hadith asy-Syarif yang membuktikan betapa hebatnya gerakan ini dan betapa besarnya kesan gerakan ini di dalam kehidupan da'wah pada masa itu.

Gerakan ini telah dibicarakan di dalam satu bab yang menarik di dalam buku *"Sirah Rasulullah s.a.w.: Gambaran-gambaran yang dipetik dari Al-Qur'anul-Karim"* karangan Al-Ustaz Muhammad 'Izzah Daruzah[1]. Di sini kami petikkan beberapa para yang memberi pendedahan-pendedahan yang penting:

> "Sebab lahirnya gerakan ini di Madinah amat jelas kerana di Makkah Rasulullah s.a.w. dan kelompok Muslimin yang pertama di sana tidak mempunyai kekuatan dan pengaruh yang mendorong wujudnya satu golongan yang takut kepada mereka atau mengharapkan kebaikan dari mereka hingga mereka terpaksa berpura-pura mengampu dan membuat baik kepada mereka pada lahirnya, tetapi secara diam-diam membuat pakatan dan rancangan-rancangan yang jahat terhadap mereka sebagaimana sifat orang-orang Munafiq pada keseluruhannya. Penduduk Makkah terutama pemimpin-pemimpinnya adalah menentang Nabi s.a.w. secara terang-terangan. Mereka bertindak sewenang-wenang menindas orang-orang Islam. Mereka memerangi da'wah dengan segala cara dan sarana tanpa sebarang keseganan. Mereka mempunyai kekuatan yang cukup sehingga orang-orang Islam terpaksa berhijrah kerana menyelamatkan agama dan darah mereka. Mula-mula mereka berhijrah ke negeri Habsyah kemudian ke negeri Yathrib, dan sehingga setengah-setengah mereka ditindas supaya meninggalkan agama mereka dengan menggunakan kekerasan dan paksaan atau menggunakan pujukan dan pemberian yang menarik atau dengan melakukan gangguan-gangguan, dan sehingga pendirian setengah-setengah dari mereka bergoncang dan bosan, lalu berpura-pura memihak kepada kaum Musyrikin, dan sehingga setengah-setengah mereka yang kuat imannya mati kerana di'azab dan diseksa.

---

[1] سيرة الرسول : صور مقتبسة من القرآن الكريم

"Tetapi keadaan di Madinah adalah berlainan sama sekali, kerana Nabi s.a.w. telah berjaya mendapatkan penyokong-penyokong yang kuat dari suku-suku Aus dan Khazraj sebelum beliau berhijrah ke sana. Beliau tidak berhijrah ke sana sehingga beliau telah cukup yakin dengan kedudukannya, sehingga hampir-hampir tidak ada rumah orang Arab di sana yang tidak dimasuki Islam. Oleh itu, dalam keadaan yang seperti ini tentulah tidak mudah bagi orang-orang yang masih tidak beriman dengan agama Islam sama ada kerana jahil dan dungu atau kerana marah, dendam, dengki dan degil dengan sebab mereka memandang kedatangan Nabi s.a.w. telah membataskan pengaruh dan kuasa mereka... tidak mudah bagi mereka untuk mengambil sikap menentang dan bermusuh secara terang-terangan terhadap Nabi s.a.w. dan kaum Muslimin yang terdiri dari orang-orang Muhajirin dan Ansar. Di samping itu, semangat perpaduan juga, dalam waktu yang sama, mempunyai pengaruh yang tidak sedikit mendorong mereka untuk tidak mengambil sikap yang seperti itu kerana majoriti suku-suku Aus dan Khazraj telah menjadi penyokong-penyokong Nabi s.a.w. dan mereka telah terikat dengan beliau dengan perjanjian-perjanjian pertahanan dan bantuan, di samping kebanyakan mereka mempunyai pegangan keislaman yang kukuh, dan mereka telah memandang Nabi s.a.w. sebagai utusan Allah dan pemimpin mereka yang tertinggi yang wajib dita'ati dan sebagai ketua mereka yang agung yang harus dipatuhi. Oleh itu, orang-orang yang masih dipengaruhi kepercayaan syirik dan menyimpan perasaan sakit hati dan dendam kesumat yang membuat mereka menentang Nabi s.a.w., da'wahnya dan pengaruhnya, tidak berdaya untuk memperlihatkan permusuhan dan perseteruan mereka terhadap beliau secara terus-terang. Mereka terpaksa berpura-pura memeluk agama Islam dan menjunjung rukun-rukunnya dan bersatu padu dengan suku-suku mereka. Mereka terpaksa menjalankan usaha-usaha curang mereka dan mengaturkan rancangan-rancangan jahat dan pakatan-pakatan sulit mereka secara tipu helah yang berbelit-belit. Dan andainya sekali sekala mereka menunjukkan tipu daya-tipu daya dan nifaq yang terus-terang, maka tindakan-tindakan itu hanya dilakukan mereka dalam suasana-suasana genting dan keadaan-keadaan yang gawat yang dihadapi Nabi s.a.w. dan kaum Muslimin. Mereka bertindak demikian kerana menjaga kepentingan, pendirian yang logikal dan langkah yang hemat. Dalam keadaan-keadaan yang seperti itu mereka sama sekali tidak mengakui kekufuran dan nifaq mereka. Tetapi kekufuran dan nifaq mereka, juga budaya tipu daya, rancangan dan pakatan sulit mereka yang jahat itu tetap tidak terlindung dari Nabi s.a.w. dan dari pandangan para sahabatnya yang jujur dan setia dari kaum Muhajirin dan Ansar. Sikap permusuhan yang terus-terang yang telah diambil mereka di dalam keadaan-keadaan yang genting itu telah menyebabkan tembelang, kekufuran dan nifaq mereka bertambah terdedah dan semakin menimbulkan kebencian. Al-Qur'an berulang-ulang kali membuka tembelang-tembelang dan mendedahkan tindak-tanduk dan budaya tipu daya mereka yang jahat, di samping mengingatkan Nabi s.a.w. dan kaum Muslimin supaya berwaspada terhadap mereka di setiap waktu dan keadaan.

Pendirian-pendirian kaum Munafiqin dan rancangan-rancangan mereka yang jahat mempunyai kesan yang jauh sebagaimana dibayangkan oleh ayat-ayat Madinah. Ia seolah satu pertentangan yang amat hebat yang mengingatkan kita dengan pertentangan yang berlaku di antara Nabi s.a.w. dengan pemimpin-pemimpin Makkah, walaupun peranan dan hasil dari kedua-dua pertentangan itu berlainan, kerana kedudukan Nabi Muhammad s.a.w. di Madinah semakin kukuh dan kuat, dan wilayah Islam semakin berkembang dan meluas. Beliau telah muncul sebagai satu-satunya pemegang kuasa yang kuat, sedangkan kaum Munafiqin tidak dapat berdiri sebagai satu gabungan yaag padu, yang mempunyai syakhsiyah yang menonjol jelas. Kelemahan kedudukan dan kekecilan bilangan mereka adalah kebalikan dari kedudukan Rasulullah s.a.w. yang bertambah kuat dan dari kedudukan Islam yang bertambah luas daerahnya dan bertambah kukuh kekuatan dan kekuasaannya.

"Cukuplah bagi anda untuk merasakan betapa besarnya peranan yang dimainkan kaum Munafiqin terutama di zaman permulaan Hijrah apabila anda memerhatikan bahawa orang-orang Munafiq adalah orang-orang yang kuat dengan semangat perkauman mereka, iaitu semangat yang masih mempunyai pengaruh yang cukup kuat di dalam jiwa kebanyakan suku-suku mereka. Di samping itu pula tembelang nifaq mereka belum lagi terdedah dengan seterang-terangnya, dan Islam belum lagi bertapak cukup kukuh di kalangan kebanyakan orang ramai, dan Nabi s.a.w. sentiasa dikepung kaum Musyrikin dari segenap sudut, sementara penduduk-penduduk Makkah yang menjadi musuh ketat beliau sentiasa menunggu-nunggu peluang dan kesempatan untuk menghancurkannya, sementara kaum Yahudi yang berada di Madinah dan di kawasan sekeliling sejak awal masa Hijrah lagi telah mengambil sikap bermusuh dengan beliau dan menaruh fikiran yang pesimis terhadapnya. Setelah itu mereka secara terus-terang memperlihatkan kekufuran, perseteruan dan tipu daya mereka terhadap beliau dan tidak lama kemudian mereka mengadakan hubungan setiakawan dengan kaum Munafiqin untuk menyatukan langkah dan tindakan dan menguatkan perpaduan dalam mengaturkan penentangan dan tipu daya hingga dapatlah dikatakan bahawa kedudukan kaum Munafiqin tidak akan kuat dan kukuh dan tidak sanggup melakukan gangguan-gangguan dan penindasan-penindasan dan tidak akan berdaya meneruskan rancangan-rancangan dan komplot-komplot mereka yang jahat melainkan dengan sebab mereka mendapat sokongan dari kaum Yahudi dan dengan sebab wujudnya hubungan kerjasama dan saling mempercayai di antara mereka dengan kaum Yahudi itu. Kedudukan kaum Munafiqin tidak

mengalami kelemahan, dan bahaya mereka tidak berkurangan melainkan setelah Allah mengurniakan kekuatan kepada Nabi s.a.w. mengalahkan kaum Yahudi dan menyelamatkannya dari kejahatan mereka."

******

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 4)

Ciri-ciri Budaya Hipokrit

Surah ini dimulakan dengan pendedahan bagaimana cara kaum Munafiqin menyembunyikan kekufuran di dalam hati mereka dan mengumumkan keislaman dan pengakuan mereka terhadap Nabi s.a.w. sebagai utusan dari Allah, juga menerangkan bagaimana cara mereka menipu dengan menggunakan sumpah-sumpah yang dusta supaya dipercayai oleh orang-orang Islam, dan bagaimana cara mereka menggunakan sumpah-sumpah itu sebagai pelindung dan perisai untuk menyembunyikan hakikat mereka yang sebenar dan untuk menipu orang-orang Islam terhadap mereka:

إِذَا جَآءَكَ ٱلْمُنَٰفِقُونَ قَالُوا۟ نَشْهَدُ إِنَّكَ لَرَسُولُ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّكَ لَرَسُولُهُۥ وَٱللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ لَكَٰذِبُونَ ﴿١﴾

ٱتَّخَذُوٓا۟ أَيْمَٰنَهُمْ جُنَّةً فَصَدُّوا۟ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ إِنَّهُمْ سَآءَ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٢﴾

"Apabila orang-orang Munafiq itu datang menemuimu mereka berkata: Kami menyaksikan bahawa engkau adalah utusan dari Allah. Dan Allah mengetahui bahawa sesungguhnya engkau adalah utusan-Nya dan Allah menyaksi bahawa sesungguhnya orang-orang Munafiq itu adalah para pembohong belaka(1). Mereka menjadikan sumpah-sumpah mereka sebagai perisai, lalu mereka menghalangi (orang ramai) dari agama Allah. Sesungguhnya amatlah buruk perbuatan yang dilakukan mereka."(2)

Mereka datang menemui Rasulullah s.a.w., lalu membuat pengakuan di hadapan beliau dengan lidah mereka bahawa beliau adalah utusan dari Allah, sedangkan mereka tidak bertujuan membuat pengakuan yang sebenar, malah pengakuan itu dilakukan dengan tujuan menyelamatkan diri mereka dan untuk menyembunyikan kedudukan dan hakikat mereka yang sebenar kepada kaum Muslimin. Mereka semuanya pendusta belaka apabila mereka datang membuat pengakuan yang seperti itu. Yang sebenarnya mereka datang untuk menipu orang-orang Islam dan melindungkan diri mereka dengan pengakuan dusta itu, kerana itulah Allah mendustakan pengakuan mereka setelah membuat kenyataan hemat membenarkan hakikat kerasulan beliau:

وَٱللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّكَ لَرَسُولُهُۥ

"Dan Allah mengetahui bahawa sesungguhnya engkau adalah utusan-Nya."(1)

وَٱللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ لَكَٰذِبُونَ ﴿١﴾

"Dan Allah menyaksi bahawa sesungguhnya orang-orang Munafiq itu adalah para pembohong belaka."(1)

Ungkapan ini begitu halus, hemat dan menarik perhatian, kerana Al-Qur'an lebih dahulu menthabitkan kerasulan Nabi s.a.w. sebelum mendustakan pengakuan orang-orang Munafiq. Jika tidak ada kenyataan hemat ini tentulah pengertian yang zahir dari ungkapan itu mungkin memberi maksud yang salah iaitu mendustakan penyaksian orang-orang Munafiq terhadap perkara kerasulan beliau. Sedangkan ini bukanlah maksud ungkapan itu, malah yang dimaksudkan dengan ungkapan itu ialah mendustakan pengakuan mereka kerana mereka sebenarnya tidak mengakui kerasulan beliau. Dan pengakuan itu adalah di-buat oleh mereka tanpa hati yang ikhlas.

ٱتَّخَذُوٓا۟ أَيْمَٰنَهُمْ جُنَّةً

"Mereka menjadikan sumpah-sumpah mereka sebagai perisai."(2)

Ayat ini menyarankan bahawa mereka mengangkat sumpah setiap kali tembelang-tembelang mereka terbuka atau setiap kali tipu daya dan rancangan-rancangan jahat mereka dapat diketahui atau setiap kali disampaikan perkataan-perkataan mereka yang tidak baik terhadap orang-orang Islam. Mereka bersumpah untuk menyelamatkan diri mereka dari akibat terbukanya tembelang kejahatan mereka. Mereka menggunakan sumpah-sumpah itu sebagai perisai untuk berlindung di sebaliknya bagi membolehkan mereka meneruskan tipu daya dan komplot-komplot jahat, juga membolehkan mereka memperdayakan orang-orang yang terpesona kepada mereka.

فَصَدُّوا۟ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ

"Lalu mereka menghalangi (orang ramai) dari agama Allah."(2)

Mereka menghalangi diri mereka sendiri dan orang ramai dari agama Allah dengan menggunakan sumpah-sumpah yang palsu:

إِنَّهُمْ سَآءَ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٢﴾

"Sesungguhnya amatlah buruk perbuatan yang dilakukan mereka."(2)

Punca Sifat Hipokrit

Adakah lagi perbuatan yang lebih buruk dari perbuatan menipu dan menyesatkan orang lain?

Al-Qur'an memberi sebab musabab terhadap tindak-tanduk mereka membuat pengakuan yang bohong, mengangkat sumpah-sumpah palsu dan menghalangkan orang lain dari agama Allah dan melakukan perbuatan yang keji. Al-Qur'an memberi sebab-sebabnya iaitu kerana mereka kafir kembali setelah beriman dan kerana mereka memilih kekufuran setelah mereka mengenal Islam:

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ ءَامَنُوا۟ ثُمَّ كَفَرُوا۟ فَطُبِعَ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَفْقَهُونَ ﴿٣﴾

"Sebabnya ialah kerana mereka telah beriman kemudian mereka kembali menjadi kafir, lalu Allah menutupkan hati mereka dan kerana itu mereka tidak mengerti."(3)

Mereka telah mengenali keimanan tetapi mereka memilih kembali semula kepada kekufuran. Hati yang telah mengenal keimanan kemudian kembali semula kepada kekufuran bukanlah hati yang mempunyai kefahaman, perasaan dan hayat. Siapakah gerangannya orang yang telah merasa, mengenal, mengetahui persepsi keimanan terhadap alam al-wujud, mengecapi citarasa keimanan terhadap hayat, bernafas di dalam udara keimanan yang bersih, hidup dalam cahaya keimanan yang terang benderang, berteduh di bawah naungan keimanan yang lembut, kemudian masih sanggup kembali kepada kekufuran yang suram-muram, mati, kosong, tandus dan tidak tahu mengenang budi? Siapakah gerangannya orang yang sanggup berbuat demikian? Tiada lain melainkan manusia yang padam cahaya hatinya, tidak tahu mengenang budi, pendendam yang tidak faham, tidak merasa dan tidak menyedari perbezaan yang amat jauh itu.

فَطُبِعَ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَفْقَهُونَ ﴿٣﴾

"Lalu Allah menutupkan hati mereka dan kerana itu mereka tidak mengerti."(3)

Pendedahan Hakikat Jiwa Manusia Munafiq

Kemudian Al-Qur'an melukiskan satu gambaran yang unik dan indah yang menggambarkan keadaan mereka, iaitu satu gambaran yang sinis terhadap manusia-manusia yang padam cahaya hatinya, dan menyifatkan mereka sebagai manusia-manusia kosong, lompong, padam cahaya hati, pengecut, gelisah, dendam dan tidak tahu mengenang budi. Gambaran itu menjadikan orang-orang ini laksana patung dan sasaran ejekan dalam pameran alam al-wujud:

وَإِذَا رَأَيْتَهُمْ تُعْجِبُكَ أَجْسَامُهُمْ ۖ وَإِن يَقُولُوا۟ تَسْمَعْ لِقَوْلِهِمْ ۖ كَأَنَّهُمْ خُشُبٌ مُّسَنَّدَةٌ ۖ يَحْسَبُونَ كُلَّ صَيْحَةٍ عَلَيْهِمْ ۚ هُمُ ٱلْعَدُوُّ فَٱحْذَرْهُمْ ۚ قَٰتَلَهُمُ ٱللَّهُ ۖ أَنَّىٰ يُؤْفَكُونَ ﴿٤﴾

"Dan apabila engkau melihat mereka engkau akan tertarik kepada tubuh badan mereka, dan apabila mereka bercakap engkau akan mendengar percakapan mereka. Mereka seolah-olah kayu yang tersandar, mereka menyangka segala teriakan itu ditujukan kepada mereka. Merekalah musuh, kerana itu hendaklah engkau berwaspada terhadap mereka. Semoga Allah memerangi mereka. Bagaimana mereka boleh dipesongkan (dari kebenaran)?"(4)

Mereka hanya tubuh-tubuh yang menarik bukannya manusia-manusia yang boleh menjawab dan menyahut. Selama mereka diam membisu mereka hanya merupakan tubuh-tubuh yang menarik pandangan mata sahaja, dan apabila mereka bercakap, maka segala percakapan mereka adalah kosong dari segala pengertian, perasaan dan fikiran.

وَإِن يَقُولُوا۟ تَسْمَعْ لِقَوْلِهِمْ ۖ كَأَنَّهُمْ خُشُبٌ مُّسَنَّدَةٌ ۖ

"Dan apabila mereka bercakap engkau akan mendengar percakapan mereka. Mereka seolah-olah kayu yang tersandar."(4)

Mereka bukannya seperti kayu semata-mata, tetapi mereka seperti kayu yang tersandar yang tidak bergerak-gerak, iaitu kayu yang tersadai mati di tepi dinding.

Gambaran kebekuan yang dingin ini menggambarkan keadaan mereka dari segi, kefahaman jiwa mereka - jika mereka berjiwa - dari segi yang lain pula menggambarkan keadaan mereka yang sentiasa berada di dalam keadaan takut, cemas dan resah gelisah:

يَحْسَبُونَ كُلَّ صَيْحَةٍ عَلَيْهِمْ ۚ

"Mereka menyangka segala teriakan itu ditujukan kepada mereka."(4)

Mereka tahu bahawa mereka adalah golongan Munafiqin yang berselindung di belakang tabir yang nipis, iaitu tabir berpura-pura, tabir sumpah, tabir menghampu dan putar-belit, kerana itu setiap sa'at mereka takut dan bimbang rahsia mereka akan terbuka dan tabir-tabir yang melindungi mereka akan tersingkap. Ayat ini melukiskan keadaan mereka sentiasa berpaling-paling di sekeliling mereka. Mereka merasa cemas dan takut kepada setiap gerak-geri, setiap bunyi dan suara, mereka fikir semuanya ditujukan kepada mereka dan mereka fikir rahsia mereka telah pun terbuka.

Jika dari sudut kefahaman, roh dan kesedaran terhadap kesan keimanan, mereka diibaratkan sebagai batang kayu yang tersandar dan tersadai mati, maka dari segi ketakutan dan kecemasan mereka terhadap keselamatan nyawa dan harta, mereka laksana batang lalang yang terumbang-ambing ditiup angin.

Dengan sifat-sifat yang seperti itu, mereka merupakan musuh utama Rasulullah s.a.w. dan kaum Muslimin:

هُمُ ٱلْعَدُوُّ فَٱحْذَرْهُمْ ۚ

"Merekalah musuh, kerana itu hendaklah engkau berwaspada terhadap mereka."(4)

Merekalah musuh yang sebenar, musuh yang bersembunyi di dalam khemah dan barisan kaum Muslimin. Mereka lebih merbahaya dari musuh luar yang terang, kerana itu hendaklah engkau (wahai Muhammad) berhati-hati terhadap mereka, tetapi Rasulullah s.a.w. tidak diperintah membunuh mereka, malah mereka ditindakkan dengan satu cara yang lain yang bijaksana, selesa dan menjaminkan keselamatan dari tipu daya mereka yang jahat, dan salah satu contoh dari cara layanan ini akan dikemukakan sebentar lagi selepas ini.

قَٰتَلَهُمُ ٱللَّهُ أَنَّىٰ يُؤْفَكُونَ ﴿٤﴾

"Semoga Allah memerangi mereka. Bagaimana mereka boleh dipesongkan (dari kebenaran)?"(4)

Allahlah yang memerangi mereka di mana sahaja mereka pergi. Do'a dari Allah merupakan satu keputusan yang lulus dan tidak dapat ditolak, Dan inilah kesudahan yang diterima mereka.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 5 - 8)

Kemudian Al-Qur'an menayangkan tindak-tanduk mereka yang menunjukkan niat-niat mereka yang busuk dan rancangan-rancangan sulit yang jahat yang diatur mereka untuk mengingatkan Rasulullah s.a.w., juga sifat mereka yang dusta ketika berdepan. Inilah kumpulan sifat orang-orang Munafiq yang terkenal.

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا۟ يَسْتَغْفِرْ لَكُمْ رَسُولُ ٱللَّهِ لَوَّوْا۟ رُءُوسَهُمْ وَرَأَيْتَهُمْ يَصُدُّونَ وَهُم مُّسْتَكْبِرُونَ ﴿٥﴾ سَوَآءٌ عَلَيْهِمْ أَسْتَغْفَرْتَ لَهُمْ أَمْ لَمْ تَسْتَغْفِرْ لَهُمْ لَن يَغْفِرَ ٱللَّهُ لَهُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿٦﴾

هُمُ ٱلَّذِينَ يَقُولُونَ لَا تُنفِقُوا۟ عَلَىٰ مَنْ عِندَ رَسُولِ ٱللَّهِ حَتَّىٰ يَنفَضُّوا۟ ۗ وَلِلَّهِ خَزَآئِنُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَلَٰكِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ لَا يَفْقَهُونَ ﴿٧﴾ يَقُولُونَ لَئِن رَّجَعْنَآ إِلَى ٱلْمَدِينَةِ لَيُخْرِجَنَّ ٱلْأَعَزُّ مِنْهَا ٱلْأَذَلَّ ۚ وَلِلَّهِ ٱلْعِزَّةُ وَلِرَسُولِهِۦ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَلَٰكِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٨﴾

"Dan apabila dikatakan kepada mereka: Marilah kamu (bertaubat) supaya Rasul memohon keampunan untuk kamu, mereka menggelengkan kepala mereka dan engkau akan melihat mereka terus berpaling dan bersikap angkuh (5). Sama sahaja kepada mereka sama ada engkau memohon keampunan atau tidak memohon keampunan untuk mereka, Allah tidak akan mengampunkan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada golongan orang-orang yang fasiq(6). Merekalah orang-orang yang berkata (kepada kaum Ansar) janganlah kamu mengeluarkan perbelanjaan kepada mereka yang berada di sisi Rasulullah (kaum Muhajirin) supaya mereka berpisah darinya. Sedangkan Allahlah yang memiliki perbendaharaan-perbendaharaan langit dan bumi tetapi orang-orang Munafiq itu tidak mengerti(7). Mereka berkata jika kami kembali ke Madinah (dari Peperangan Bani al-Mustaliq) nescaya orang yang mulia akan menghalaukan orang yang hina (Muhammad dan sahabat-sahabat) darinya. Sedangkan kemuliaan itu adalah milik Allah dan Rasul-Nya dan orang-orang Mu'min seluruhnya, tetapi orang-orang Munafiq tidak mengetahui."(8)

Cerita Kepala Munafiqin Abdullah Ibn Ubay

Menurut Ulama' Salaf, ayat ini semuanya diturunkan mengenai Abdullah ibn Ubay ibn Salul. Dan Ibn Ishaq telah menghuraikan cerita ini di dalam hadithnya mengenai Peperangan Bani al-Mustaliq pada tahun yang keenam hijrah. Peperangan ini berlaku di al-Muraysi'[2] di tempat air kepunyaan mereka. Ketika Rasulullah s.a.w. berada di tempat air itu setelah selesai berperang, tiba-tiba datanglah sekumpulan orang menuju ke tempat itu, dan bersama-sama 'Umar ibn al-Khattab ada seorang gaji dari Bani Ghifar bernama Jahjah ibn Mas'ud membawa kudanya. Tiba-tiba Jahjah dan Sinan ibn Wabar al-Juhani sekutu Bani 'Aun ibn Al-Khazraj berebut-rebut untuk mendapatkan air, lalu kedua-duanya bergaduh. Lalu Sinan Al-Juhani berteriak, "Tolong! Wahai orang-orang Ansar!" Dan Jahjah juga berteriak, "Tolong! Wahai orang-orang Muhajirin!" Abdullah ibn Ubay ibn Salul naik marah, bersama-samanya ada sekumpulan orang dari kaumnya termasuk seorang anak muda Zaid ibn Arqam. Kata Abdullah ibn Ubay: "Adakah mereka (Muhajirin) tergamak melakukannya? Mereka telah melebihi kita di negeri kita. Demi Allah, keadaan kita dengan jubah-jubah Quraysy[3] ini tidak ubah seperti pepatah orang-orang dahulu: Gemukkan anjingmu nescaya ia akan memakanmu. Demi Allah, jika kita telah kembali ke Madinah nanti, orang yang mulia akan menghalaukan orang yang hina dari Madinah." Kemudian dia pergi mendapatkan kaumnya dan berkata kepada mereka: "Inilah akibat perbuatan kamu di atas diri kamu sendiri. Kamu telah memasukkan mereka (Muhajirin) ke negeri kamu, kamu membahagi-bahagikan harta benda kamu

---

[2] المريسيع

[3] *Jubah-jubah Quraysy ialah gelaran yang digunakan oleh orang-orang Munafiq terhadap orang-orang muhajirin dari sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w.*

dengan mereka. Demi Allah, jika kamu tahankan harta benda kamu dari mereka dengan kuatkuasa kamu nescaya mereka akan berpindah ke tempat lain dari negeri kamu." Kata-kata ini telah didengar oleh Zaid ibn Arqam, lalu dia pun berjalan menuju kepada Rasulullah s.a.w. Ketika itu Rasulullah s.a.w. telah selesai mengalahkan musuhnya, lalu menyampaikan kepada beliau berita itu. Kebetulan 'Umar ibn al-Khattab ada bersamanya, lalu dia berkata kepada beliau, "Hantarkan 'Ubbad ibn Bisyr kepadanya supaya dia membunuhnya." Jawab Rasulullah s.a.w.: "Wahai 'Umar! Bagaimana nanti jika orang ramai bercakap-cakap bahawa Muhammad membunuh sahabat-sahabatnya? Ini tidak mungkin, tetapi perintahkan mereka supaya bertolak sekarang meninggalkan tempat ini." Sedangkan Rasulullah s.a.w. tidak pernah bertolak pada waktu yang seperti itu (iaitu waktu Zohor), lalu orang ramai pun bertolak meninggalkan tempat itu. Kemudian Abdullah ibn Ubay ibn Salul terus pergi mendapatkan Rasulullah sa.w. setelah mendapat berita bahawa Zaid ibn Arqam telah menyampaikan segala apa yang diucapkannya kepada beliau. Lalu dia pun bersumpah: "Demi Allah, saya tidak pernah kata apa yang telah diceritakannya itu." Dia merupakan pembesar kaumnya. Lalu orang-orang Ansar dari sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. yang ada bersama beliau ketika itu berkata: 'Wahai Rasulullah! Mungkin anak muda itu telah tersalah menyampaikan berita dan tidak ingat apa yang sebenar diucapkan oleh Abdullah." Mereka berkata begitu kerana kasihan dan untuk membelanya.

Ujar ibn Ishaq: Apabila Rasulullah s.a.w. bertolak dan berjalan, tiba-tiba datang Usayd ibn Hudhayr menemuinya, lalu memberi salam kepada beliau kemudian berkata: 'Wahai Nabi Allah! Demi Allah, anda telah berjalan pada waktu yang sangat buruk (panas terik) yang belum pernah anda lakukannya seperti ini," Jawab Rasulullah s.a.w.: "Tidakkah sampai kepada anda apa yang diucapkan oleh sahabat anda?" Kata Usayd: "Sahabat yang mana wahai Rasulullah?" Jawab beliau: "Abdullah ibn Ubay." Tanya Usayd: "Apa katanya" Jawab beliau: "Dia kata jika dia pulang ke Madinah nanti orang yang mulia akan menghalaukan orang yang hina dari Madinah." Kata Usayd: 'Ya Rasulullah! Demi Allah, anda boleh menghalaukannya dari Madinah jika anda suka. Dialah yang sebenarnya orang yang hina dan anda adalah orang yang mulia." Setelah itu dia berkata lagi: "Ya Rasulullah! Layanilah dia dengan lemah-lembut. Demi Allah, semasa Allah mengutuskan anda kepada kami, kaumnya sedang menggubah mutiara untuk memahkotakannya, dan sejak itu dia memandang anda telah merampaskan kerajaannya."

Kemudian Rasulullah s.a.w. meneruskan perjalanannya tidak berhenti-henti bersama sahabat-sahabatnya sehingga senja, kemudian menyambung ke malam hingga ke pagi, dan dari pagi itu dia meneruskan perjalanannya sehingga mereka diselar panas yang terik, barulah beliau berhenti bersama mereka. Sebaik sahaja kaki mereka menyentuh bumi, mereka pun terus, baring dan tidur. Rasulullah s.a.w. bertindak demikian supaya sahabat-sahabatnya itu tidak mendapat kesempatan untuk membincangkan kata-kata yang diucapkan oleh Abdullah ibn Ubay semalam.

Ujar Ibn Ishaq: Kemudian turunlah surah yang menyebut keperihalan kaum Munafiqin yang ditujukan kepada Abdullah ibn Ubay dan orang-orang yang sepertinya. Apabila surah ini turun, Rasulullah s.a.w. memegang telinga Zaid ibn Arqam sambil berkata: "Inilah anak muda yang telah menyempurnakan kewajipannya kepada Allah dengan telinganya". Kemudian cerita Abdullah ibn Ubay ini sampai kepada anaknya yang bernama Abdullah, lalu dia pun datang menemui Rasulullah s.a.w. dan berkata: "Wahai Rasulullah! Ada berita sampai kepada saya bahawa anda hendak membunuh bapa saya Abdullah ibn Ubay kerana kata-kata ancamannya yang telah sampai kepada anda. Jika anda terpaksa bertindak begitu, maka serahkan sahaja perkara ini kepada saya. Saya sanggup membawa kepalanya kepada anda. Demi Allah, suku Khazraj tahu bahawa tiada seorang lelaki dalam kalangan mereka yang lebih berbakti kepada ibubapanya lain dari saya. Saya takut anda menyuruh orang lain dari saya membunuhnya, kerana itu janganlah anda membiarkan diri saya melihat pembunuh Abdullah ibn Ubay itu berjalan di tengah orang ramai hingga menyebabkan saya membunuhnya, dan ini bererti saya telah membunuh seorang Mu'min yang telah membunuh seorang kafir, dan akibatnya saya akan masuk Neraka." Lalu Rasulullah s.a.w. pun berkata: "Sebenarnya kita akan melayaninya dengan lemah-lembut dan kita akan terus bersahabat baik dengannya selama dia berada bersama-sama kita."

Sejak itu apabila Abdullah ibn Ubay melakukan sesuatu perkara, maka kaumnya sendiri yang mengecam, menyalah dan bertindak keras terhadapnya. Kerana itu Rasulullah s.a.w. berkata kepada 'Umar ibn al-Khattab r.a. apabila sampai kepadanya berita tindak-tanduk kaumnya itu: "Bagaimana fikiran anda, wahai 'Umar? Demi Allah, jika aku perintah membunuhnya pada hari anda telah mencadangkan supaya dia dibunuh, tentulah ramai yang menggigil takut kepadanya. Tetapi jika pada hari ini aku perintah mereka membunuhnya, tentulah mereka akan membunuhnya." Jawab 'Umar: "Demi Allah, saya yakin bahawa keputusan Rasulullah s.a.w. itu lebih besar kebaikannya dari keputusan saya."

'Ikrimah, Ibn Ziyad dan lain-lain telah menceritakan iaitu apabila orang ramai balik ke Madinah, Abdullah anak kepada Abdullah ibn Ubay telah berdiri di pintu masuk Madinah dan menghunuskan pedangnya. Semua orang lalu di hadapannya, dan apabila tiba ayahnya Abdullah ibn Ubay dia pun berkata: "Ayah! Berhenti! Jangan masuk." Bentak bapanya, "Mengapa? Celaka engkau!" Jawab anaknya, "Demi Allah, ayah tidak boleh lalu dari sini melainkan apabila ayah telah diizinkan Rasulullah s.a.w., kerana dialah

orang yang mulia sedangkan ayah seorang yang hina." Apabila Rasulullah s.a.w. tiba, kerana kebiasaan beliau ialah berjalan di belakang angkatan tentera (untuk melihat orang-orang yang ketinggalan, yang sesat dan yang memerlukan pertolongan[4]) Abdullah ibn Ubay pun mengadu kepadanya atas perbuatan anaknya itu. Lalu Abdullah anaknya berkata: "Demi Allah, ya Rasulullah, dia tidak boleh masuk ke Madinah sehingga anda memberi keizinan kepadanya." Lalu Rasulullah s.a.w. pun memberi keizinannya. Anaknya pun berkata: "Jika Rasulullah s.a.w. telah memberi keizinan kepada ayah, maka sekarang bolehlah ayah masuk."[5]

******

Apabila kita memandang sekali kepada peristiwa-peristiwa, sekali kepada tokoh-tokoh yang terlibat dan sekali pula kepada nas Al-Qur'an, kita dapati kita berdepan dengan sirah Rasulullah s.a.w., berdepan dengan sistem pendidikan Ilahi dan berdepan dengan perencanaan Allah yang menarik dalam menguruskan segala perkara.

Sikap Rasulullah Terhadap Munafiqin

Barisan kaum Muslimin ini telah diresapi golongan Munafiqin. Mereka hidup dalam barisan mereka semasa hidup Rasulullah s.a.w. hampir-hampir sepuluh tahun lamanya. Namun demikian Rasulullah s.a.w. tidak bertindak mengeluarkan mereka dari barisan itu, dan Allah tidak pula memperkenalkan mereka kepada beliau dengan nama-nama dan batang tubuh mereka, melainkan menjelang masa yang tidak lama sebelum kewafatan beliau, walaupun beliau dapat mengenal mereka dalam keterlanjuran kata mereka yang berbelit-belit dan mengampu-ngampu, walaupun beliau mengenal mereka dari air muka mereka yang mencerminkan kesan-kesan emosi dan perasaan mereka. Hal sedemikian, kerana Allah tidak mahu menyerahkan hati manusia kepada manusia. Urusan hati manusia terpulang kepada Allah sahaja. Dialah sahaja yang mengetahui isinya dan menghisabkannya, sedangkan manusia hanya boleh menghukumkan perkara-perkara yang zahir sahaja. Mereka tidak boleh menghukum orang dengan kacamata sangkaan dan firasat. Walaupun selepas Allah memberitahu Rasulullah s.a.w. mengenai orang-orang yang terus mengambil sikap nifaq di akhir-akhir hayatnya, beliau tidak juga bertindak mengusir mereka dari kelompok Muslimin selama mereka memperlihatkan keislaman mereka dan menunaikan fardhu-fardhunya. Beliau hanya mengenal mereka dan memperkenalkan mereka kepada seorang dari sahabat-sahabatnya sahaja iaitu, Huzayfah ibn al-Yaman dan beliau tidak hebohkannya kepada orang ramai sehingga 'Umar r.a. sendiri datang menemui Huzayfah untuk mempastikan kedudukan dirinya bahawa Rasulullah tidak mengecapnya dari golongan Munafiqin. Huzayfah hanya berkata ringkas: "Wahai 'Umar, anda tidak termasuk dalam golongan mereka", dan dia tidak menambah apa-apa.

Rasulullah s.a.w. telah diperintahkan supaya jangan sekali-kali menyembahyangkan mana-mana jenazah orang Munafiqin. Sahabat-sahabat beliau hanya tahu apabila mereka melihat Rasulullah s.a.w. tidak menyembahyangkan mana-mana jenazah. Dan apabila Rasulullah s.a.w. wafat, Khuzayfah tidak menyembahyangkan mana-mana jenazah yang dikenalinya dari golongan Munafiqin. Begitu juga 'Umar r.a. tidak bangkit menyembahyangkan mana-mana jenazah sehingga dia lihat, dan apabila dia nampak Huzayfah ada di sana dia pun tahu bahawa jenazah itu bukan dari kelompok Munafiqin dan jika tidak tentulah dia juga tidak menyembahyangkannya. Tetapi Huzayfah tidak berkata apa-apa.

Demikianlah peristiwa-peristiwa itu berlaku mengikut bagaimana ketetapan perencanaan Allah kerana sesuatu hikmat dan tujuan untuk memberi pendidikan dan contoh teladan dan untuk membina akhlak, mengaturkan peraturan-peraturan dan peradaban-peradaban.

Peristiwa yang menyebabkan turunnya ayat-ayat ini merupakan satu peristiwa yang memberi banyak contoh teladan dan pengajaran.

Contoh Teladan Di Sebalik Peristiwa Abdullah Ibn Ubay Dan Anaknya

Lihatlah Abdullah ibn Ubay ibn Salul, dia hidup dalam kalangan kelompok Muslimin dan berhampiran dengan Rasulullah s.a.w. pula. Berbagai-bagai peristiwa dan bukti terpampang di hadapannya yang menunjukkan kebenaran agama ini dan kebenaran Rasulullah s.a.w., tetapi Allah tidak menunjukkan hatinya kepada iman, kerana Rahmat dan ni'mat ini tidak ditulis untuknya. Dia menentang agama ini dan menentang limpahan nur hidayat kerana didorong perasaan dendam yang berkecamuk di dalam dadanya iaitu dendam kerana dia tidak dapat menjadi raja yang memerintah suku-suku Aus dan Khazraj dengan sebab kedatangan Rasulullah s.a.w. membawa Islam ke Madinah. Dendam inilah satu-satunya yang menghalangkannya dari menerima hidayat, sedangkan dalil-dalil kebenarannya tersergam di sekelilingnya kerana dia hidup dalam limpahan cahaya perkembangan Islam di Yathrib (Madinah).

Lihatlah pula kepada anaknya Abdullah r.a., dia merupakan satu contoh seorang Muslim yang amat tinggi, ikhlas dan ta'at. Dia tidak senang dengan bapanya dan tindak tanduknya dan merasa malu dengan sikap-sikap yang ditunjukkannya. Namun demikian sebagai seorang anak yang baik dan berbudi, dia menaruh perasaan hormat kepada bapanya. Apabila dia mendengar Rasulullah s.a.w.

---

[4] *Pengarang.*

[5] *Dapatlah diperhatikan bahawa cerita fitnah terhadap Siti Aisyah r.a. yang terkenal itu adalah berlaku selepas Peperangan Bani at-Mustaliq itu dan yang menjadi dalangnya ialah Abdullah ibn Ubay ibn Salul.*

mahu membunuh bapanya, hatinya berkecamuk dengan berbagai-bagai perasaan dan sentimen yang bertentangan. Semuanya dihadapinya dengan terus-terang, tegas dan ikhlas. Dia benar-benar cintakan Islam dan benar-benar ta'at kepada Rasulullah s.a.w. dan bersedia untuk melaksanakan perintahnya walaupun terhadap bapanya sendiri, tetapi dia tidak sanggup melihat orang lain memenggal leher bapanya kemudian berjalan bebas di hadapan matanya. Dia bimbang dikhianati hatinya dan tidak berupaya melawan syaitan semangat perkauman dan panggilan menuntut bela. Di sini dia terpaksa menemui Nabinya dan pemimpinnya supaya dapat menolongnya mengatasi perasaan yang berkecamuk di dalam hatinya dan menghapuskan penderitaan batin yang sedang dialaminya itu. Lalu dia memohon kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau menyerahkan tugas membunuh bapanya kepada dia sendiri jika beliau terpaksa bertindak demikian. Dia akan tetap patuh kepada perintah beliau dan dia sanggup membawa kepala bapanya kepada beliau supaya tugas itu tidak dilaksanakan oleh orang yang lain darinya, kerana dia tidak sanggup melihat pembunuh bapanya berjalan bebas di bumi ini. Dia takut dia akan membunuhnya dan ini bererti dia membunuh seorang Mu'min kerana membunuh seorang kafir dan akibatnya ia masuk Neraka.

Itulah keindahan iman dalam hati seorang manusia yang menawarkan kepada Rasulullah s.a.w. supaya menyerahkan kepadanya satu tugas yang paling sulit kepada jiwa manusia iaitu tugas membunuh bapanya sendiri, dan tawaran itu adalah dibuat dengan hati yang jujur dengan tujuan untuk menghindarkan dirinya dari melakukan perbuatan yang lebih dahsyat iaitu dia bimbang terdorong oleh keinginannya sebagai seorang manusia kepada membunuh seorang Mu'min kerana membunuh seorang kafir dan akibatnya dia akan dimasukkan ke dalam Neraka, itulah keindahan bercakap benar dan terus-terang ketika dia menghadapi kelemahannya sebagai manusia untuk bertindak terhadap orang tuanya sendiri. Apabila dia berkata: "Demi Allah, suku Khazraj tahu bahawa tiada seorang lelaki dalam kalangan mereka yang lebih berbakti kepada ibu bapanya lain dari saya." Dia memohon Nabinya dan pemimpinnya supaya menolongnya mengatasi kelemahan dan menyelamatkannya dari keadaan serba-salah, bukan memohon supaya beliau membatal atau mengubahkan keputusannya, kerana perintah Rasulullah tetap dipatuhi dan dijunjungi, tetapi dia memohon supaya tugas membawa kepala bapanya ditugaskan kepada dia sendiri.

Rasulullah yang baik hati itu menyedari keserbasalahan tokoh Mu'min ini, oleh itu, beliau hapuskan perasaan itu dengan penuh kemaafan dan penghormatan: "Sebenarnya kita akan melayaninya dengan lemah-lembut dan kita akan terus bersahabat baik dengannya selama dia berada bersama-sama kita." Sebelum ini beliau telah membantah cadangan 'Umar supaya Abdullah ibn Ubay itu dibunuh dengan sabdanya: "Wahai 'Umar, bagaimana nanti jika orang ramai bercakap-cakap bahawa Muhammad membunuh sahabatnya?"

Kemudian cara Rasulullah s.a.w. menangani peristiwa ini dengan pengendalian seorang pemimpin yang bijaksana yang mendapat ilham Ilahi, beliau memerintah angkatan tenteranya supaya meninggalkan tempat itu segera walaupun bukan masanya yang wajar dan memimpin mereka meneruskan perjalanan itu sehingga mereka letih lesu untuk menghindarkan mereka dari memikirkan emosi perkauman yang busuk yang ditimbulkan oleh seruan kedua-dua orang yang bergaduh tadi. "Tolong, wahai orang-orang Ansar! Tolong", "Wahai orang-orang Muhajirin!" Juga untuk menghindarkan mereka dari memikirkan kata-kata ancaman atau fitnah yang dikeluarkan oleh Abdullah ibn Ubay ibn Salul yang bertujuan untuk membakarkan hubungan kemesraan dan persaudaraan yang kukuh yang wujud di antara kaum Ansar dan kaum Muhajirin, iaitu hubungan kemesraan dan persaudaraan yang unik di dalam sejarah agama dan di dalam sejarah manusia seluruhnya. Dalam percakapan beliau dengan Usayd ibn Hudhayr yang membeli semangat supaya menentang gerakan fitnah dan menentang tokoh yang membuat fitnah itu, yang masih dipandang tinggi dalam kalangan kaumnya walaupun selepas kedatangan Islam.

Akhir sekali kita berdiri di hadapan satu pemandangan akhir yang amat menarik, iaitu pemandangan Abdullah anak Abdullah ibn Ubay sedang menghunuskan pedangnya di pintu masuk kota Madinah dan menahan bapanya. Dia tidak membenarkan bapanya masuk ke kota Madinah untuk menepati kata-katanya dahulu: **"Orang yang mulia akan menghalaukan orang yang hina dari Madinah"** supaya bapanya sedar bahawa Rasulullah itulah yang mulia dan dialah yang hina. Dan dia terus menahan bapanya sehingga Rasulullah s.a.w. tiba dan membenarkannya masuk. Dengan kejadian ini jelaslah kepadanya siapakah sebenarnya yang mulia dan yang hina.

Sesungguhnya itulah kemuncak kelebihan yang dicapai oleh tokoh-tokoh Muslim zaman itu. Keimananlah yang menaikkan mereka ke kemuncak itu, dan walaupun mereka telah meningkat ke kemuncak itu, namun mereka masih bersifat manusia yang mempunyai titik-titik kelemahan seorang manusia, dan mempunyai perasaan-perasaan dan fikiran-fikiran seorang manusia. Itulah hakikat yang paling indah dan paling benar yang terdapat dalam 'aqidah Islam apabila manusia memahami hakikatnya dan apabila diri mereka sendiri mencerminkan hakikatnya yang bergerak di bumi dalam rupa manusia yang makan makanan-makanan dan berjalan di pasar-pasar.

******

Kemudian marilah kita hidup dalam bayangan keterangan-keterangan Al-Qur'an sendiri yang mengisahkan peristiwa-peristiwa itu:

Keangkuhan Kaum Munafiqin

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا۟ يَسْتَغْفِرْ لَكُمْ رَسُولُ ٱللَّهِ لَوَّوْا۟ رُءُوسَهُمْ وَرَأَيْتَهُمْ يَصُدُّونَ وَهُم مُّسْتَكْبِرُونَ ﴿٥﴾

"Dan apabila dikatakan kepada mereka: Marilah kamu (bertaubat) supaya Rasul memohon keampunan untuk kamu, mereka menggelengkan kepala mereka dan engkau akan melihat mereka terus berpaling dan bersikap angkuh."(5)

Mereka telah membuat perbuatan dan melepaskan perkataan itu, dan apabila mereka tahu berita perbuatan dan perkataan mereka itu sampai kepada Rasulullah s.a.w., mereka merasa takut dan lemah, lalu mereka menafikannya dengan mengangkat sumpah yang digunakan mereka sebagai perisai. Apabila ada orang berkata kepada mereka: **"Marilah kamu (bertaubat) supaya Rasulullah memohon keampunan untuk kamu"** sedangkan mereka cukup aman untuk mengadap beliau, nescaya mereka menggeleng-gelengkan kepala mereka kerana angkuh dan sombong. Kedua-dua kelakuan ini merupakan dua sifat yang tidak terpisah dari jiwa manusia Munafiq. Walaupun kelakuan seperti ini biasanya ditunjukkan oleh mereka yang mempunyai kedudukan yang tinggi dalam kalangan kaumnya, tetapi dalam hati mereka sendiri, mereka adalah cukup lemah untuk berdepan dengan Rasulullah s.a.w., kerana itu mereka bersikap sombong dan berpaling dan menggeleng-gelengkan kepala mereka selama mereka merasa aman dari berdepan dengan beliau, tetapi apabila sampai masa mereka terpaksa berdepan dengan beliau, mereka akan takut, lemah dan bersumpah-sumpah.

Kerana itu Al-Qur'an menujukan ayat berikut kepada Rasulullah untuk menjelaskan keputusan Allah terhadap kaum Munafiqin pada setiap masa, juga menjelaskan tidak ada gunanya memohon keampunan untuk mereka setelah Allah memberi keputusan-Nya:

سَوَآءٌ عَلَيْهِمْ أَسْتَغْفَرْتَ لَهُمْ أَمْ لَمْ تَسْتَغْفِرْ لَهُمْ لَن يَغْفِرَ ٱللَّهُ لَهُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿٦﴾

"Sama sahaja kepada mereka, sama ada engkau memohon keampunan atau tidak memohon keampunan untuk mereka, Allah tidak akan mengampunkan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada golongan orang-orang yang fasiq."(6)

Al-Qur'an menceritakan sebahagian dari perbuatan mereka yang fasiq yang wajar mendapat keputusan Allah yang keras terhadap mereka:

Rancangan Memulau Kaum Muslimin Supaya Mereka Lapar

هُمُ ٱلَّذِينَ يَقُولُونَ لَا تُنفِقُوا۟ عَلَىٰ مَنْ عِندَ رَسُولِ ٱللَّهِ حَتَّىٰ يَنفَضُّوا۟ ۗ وَلِلَّهِ خَزَآئِنُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَلَٰكِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ لَا يَفْقَهُونَ ﴿٧﴾

"Merekalah orang-orang yang berkata (kepada kaum Ansar): Janganlah kamu mengeluarkan perbelanjaan kepada mereka yang berada di sisi Rasulullah (kaum Muhajirin) supaya mereka berpisah darinya. Sedangkan Allahlah yang memiliki perbendaharaan-perbendaharaan langit dan bumi tetapi orang-orang Munafiq itu tidak mengerti."(7)

Ini adalah perkataan yang jelas menunjukkan tabi'at yang buruk dan perangai mereka yang keji. Ia merupakan satu rancangan untuk melaparkan kaum Muslimin, iaitu satu rancangan yang nampaknya selalu digunakan oleh musuh-musuh kebenaran dan keimanan. Mereka saling anjur-menganjur sesama mereka supaya menggunakan cara ini untuk memerangi 'aqidah dan menentang agama Islam. Oleh kerana mereka mempunyai perasaan yang rendah dan hina, mereka fikir masalah mendapatkan sesuap makanan itulah merupakan satu masalah yang maha penting dalam hidup insan, kerana itu mereka menggunakan masalah ini sebagai alat untuk memerangi orang-orang Mu'min.

Itulah cara yang telah dijalankan orang-orang Quraysy semasa mereka memulaukan Bani Hasyim di lorong-lorong bukit supaya mereka berundur dari membantu Rasulullah s.a.w. dan menyerahkan beliau kepada kaum Musyrikin.

Ia juga merupakan cara golongan Munafiqin seperti yang dijelaskan oleh ayat-ayat ini supaya sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. meninggalkan beliau apabila mereka ditekan oleh kepicikan hidup dan kelaparan.

Ia juga merupakan cara pemerintah komunis. Mereka mengharamkan orang-orang yang beragama di negeri-negeri mereka dari mendapatkan kad catuan makanan supaya mereka mati kelaparan atau kafir terhadap Allah dan meninggalkan solat.

Ia juga merupakan cara pihak-pihak yang lain yang memerangi gerakan da'wah kepada Allah dan gerakan kebangkitan Islamiyah di negeri-negeri Islam dengan mengadakan sekatan, kepungan, pelaparan dan usaha menutup pintu pekerjaan dan mencari rezeki.

Demikianlah cara yang hina ini digunakan oleh semua musuh keimanan dari zaman dahulu hingga ke zaman ini, sedangkan mereka lupakan hakikat yang asasi yang diperingatkan oleh Al-Qur'an di akhir ayat ini:

Sumber Rezeki Di Tangan Allah

وَلِلَّهِ خَزَآئِنُ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَلَـٰكِنَّ ٱلْمُنَـٰفِقِينَ لَا يَفْقَهُونَ ﴿٧﴾

"Sedangkan Allahlah yang memiliki perbendaharaan-perbendaharaan langit dan bumi tetapi orang-orang Munafiq itu tidak mengerti."(7)

Dan dari perbendaharaan-perbendaharaan Allah di langit dan di bumi inilah mereka yang cuba menyekat rezeki orang-orang Mu'min itu mendapatkan rezeki mereka kerana mereka tidak menciptakan rezeki mereka sendiri. Alangkah bodoh dan dungunya orang-orang ini apabila mereka cuba memotong rezeki-rezeki orang lain.

Demikianlah Allah mengukuhkan hati orang-orang Mu'min dalam menghadapi cara yang hina yang digunakan oleh musuh-musuh Allah untuk memerangi mereka. Allah meyakinkan mereka bahawa perbendaharaan-perbendaharaan Allah di langit dan di bumi itulah perbendaharaan rezeki bagi seluruh manusia, dan Allah yang memberi rezeki kepada musuh-musuh-Nya tentulah tidak akan lupakan rezeki hamba-hamba kesayangan-Nya. Rahmat Allah telah menghendaki tidak menyeksakan para hamba-Nya dengan tindakan melapar dan memotong rezeki mereka walaupun musuh-musuh-Nya. Allah tahu mereka tidak berkuasa mengadakan rezeki untuk diri mereka sendiri sama ada banyak atau sedikit jika Allah memotong rezeki mereka. Allah itu Maha Pemurah, Dia tidak menyerahkan kepada hamba-hamba-Nya walaupun musuh-musuh-Nya tugas mengadakan rezeki yang tidak mampu dilaksanakan mereka. Oleh itu, nyatalah bahawa tindakan melaparkan orang lain merupakan satu cara yang tidak akan difikir melainkan oleh orang-orang yang paling jahat dan hina.

Kemudian kata-kata ancaman mereka yang terakhir:

Ancaman Munafiqin Untuk Mengusir Rasulullah Dan Kaum Muslimin Dari Madinah

يَقُولُونَ لَئِن رَّجَعْنَآ إِلَى ٱلْمَدِينَةِ لَيُخْرِجَنَّ ٱلْأَعَزُّ مِنْهَا ٱلْأَذَلَّ ۚ وَلِلَّهِ ٱلْعِزَّةُ وَلِرَسُولِهِۦ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَلَـٰكِنَّ ٱلْمُنَـٰفِقِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٨﴾

"Mereka berkata: Jika kami kembali ke Madinah (dari Peperangan Bani al-Mustaliq) nescaya orang yang mulia akan menghalaukan orang yang hina (Muhammad dan sahabat-sahabat) darinya. Sedangkan kemuliaan itu adalah milik Allah dan Rasul-Nya dan orang-orang Mu'min seluruhnya, tetapi orang-orang Munafiqin tidak mengetahui."(8)

Kita telah melihat bagaimana Abdullah ibn Abdullah ibn Ubay telah membuktikan kebenaran kata-kata ini dan bagaimana orang yang hina tidak dapat masuk ke Madinah melainkan dengan kebenaran orang yang mulia.

وَلِلَّهِ ٱلْعِزَّةُ وَلِرَسُولِهِۦ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَلَـٰكِنَّ ٱلْمُنَـٰفِقِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٨﴾

"Sedangkan kemuliaan itu adalah milik Allah dan Rasul-Nya dan orang-orang Mu'min seluruhnya, tetapi orang-orang Munafiq tidak mengetahui."(8)

Allah S.W.T. telah membawa Rasul-Nya dan orang-orang Mu'min ke pihak-Nya dan melimpah kemuliaan-Nya ke atas mereka. Ini adalah satu penghormatan yang amat tinggi yang tidak dapat diberi melainkan oleh Allah sahaja. Tiada lagi satu penghormatan yang lebih tinggi setelah Allah S.W.T. membariskan Rasul-Nya dan orang-orang Mu'min di sampingnya sambil berfirman: "Kamilah yang paling mulia! Inilah panji-panji orang-orang yang termulia dan inilah barisan yang mulia".

Alangkah benarnya firman Allah. Dia telah menjadikan kemuliaan itu cabang dari keimanan di dalam hati orang yang beriman, iaitu kemuliaan yang diambil dari kemuliaan zat-Nya Yang Maha Tinggi, kemuliaan yang tidak akan hina dan tidak mungkin dihinakan, kemuliaan yang tidak akan tunduk dan berlembut, kemuliaan yang tidak akan berpisah dari hati orang-orang Mu'min dalam sa'at-sa'at yang paling genting kecuali keimanannya telah lemah. Sebaliknya apabila keimanan itu terpacak teguh, maka perasaan merasa mulia itu tetap teguh dan kukuh bersamanya.

وَلَـٰكِنَّ ٱلْمُنَـٰفِقِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٨﴾

"Tetapi orang-orang Munafiq tidak mengetahui."(8)

Bagaimana mereka dapat mengetahui, sedangkan mereka tidak pernah merasa kemuliaan ini dan tidak pernah berhubung dengan sumbernya.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 11)

Kepada orang-orang Mu'min yang dibariskan Allah dalam barisan-Nya bersama-sama Rasulullah s.a.w. dan Allah jadikan kemuliaan mereka dari kemuliaan-Nya, Al-Qur'an menujukan seruannya yang akhir kepada mereka dalam surah ini supaya mereka meningkat ke darjat yang mulia ini dan supaya mereka membersihkan diri mereka dari segala sifat yang menyerupai sifat-sifat kaum Munafiqin dan supaya mereka lebih mengutamakan darjat yang mulia itu dari harta kekayaan dan anak-anak, dan jangan membiarkan harta dan anak-anak itu melalaikan mereka dari mencapai darjah yang gemilang itu:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تُلْهِكُمْ أَمْوَٰلُكُمْ وَلَآ أَوْلَـٰدُكُمْ عَن ذِكْرِ ٱللَّهِ ۚ وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْخَـٰسِرُونَ ﴿٩﴾

وَأَنفِقُوا مِن مَّا رَزَقْنَاكُم مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِيَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُن مِّنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٠﴾ وَلَن يُؤَخِّرَ اللَّهُ نَفْسًا إِذَا جَاءَ أَجَلُهَا ۚ وَاللَّهُ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu dilekakan oleh harta benda kamu dan anak-anak kamu dari mengingati Allah. Barang siapa yang berbuat demikian, merekalah orang-orang yang rugi(9). Dan belanjakanlah rezeki yang telah Kami kurniakan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu dikunjungi maut, lalu ia pun berkata: Wahai Tuhanku! Mengapakah tidak engkau tempohkan ajalku kepada satu tempoh yang dekat (sebentar) supaya dapat aku bersedekah dan menjadi dari orang-orang yang soleh?(10). Dan Allah tidak akan menempohkan seseorang apabila telah tiba ajalnya, dan Allah Maha Mengetahui segala perbuatan yang dilakukan mereka."(11)

Sikap Orang-orang Yang Beriman Terhadap Harta Kekayaan Dan Anak-anak

Harta kekayaan dan anak-anak pinak, itu memang meleka dan melalaikan jika hati seseorang itu tidak mempunyai kesedaran, tidak memahami matlamat kewujudannya dan tidak merasa mempunyai suatu matlamat yang tinggi, yang layak dengan makhluk insan yang mendapat tiupan roh dari Allah. Dan di dalam roh inilah Allah meletakkan rasa kerinduan untuk melaksanakan setengah-setengah sifat Ilahiyah mengikut batas-batas kemampuan yang ada pada manusia. Allah mengurniakan harta kekayaan dan anak pinak kepada manusia supaya dia dapat melaksanakan tugas khilafah di bumi ini dan bukan untuk melalaikannya dari mengingati Allah dan membuat hubungan dengan Allah yang menjadi sumber di mana dia menerima pengajaran-pengajaran yang boleh menjadikannya makhluk insan. Barang siapa yang lalai dan cuai dari membuat hubungan dengan sumber itu, **"Merekalah orang-orang yang rugi."**

Kerugian pertama yang akan dialami mereka ialah mereka akan kehilangan "Sifat insan" kerana sifat insan adalah terhenti di atas wujudnya perhubungan dengan Allah yang menjadi sumber yang melayakkan untuk menjadikannya seorang insan yang sebenar, dan barang siapa yang kehilangan dirinya bererti kehilangan segala-galanya, walaupun sebanyak mana ia memiliki harta kekayaan dan anak-pinak.

Kemudian Al-Qur'an menyentuh mereka dalam persoalan membelanjakan harta untuk jalan kebajikan dengan berbagai-bagai sentuhan yang terkandung dalam ayat yang sama:

وَأَنفِقُوا مِن مَّا رَزَقْنَاكُم مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِيَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُن مِّنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٠﴾

"Dan belanjakanlah rezeki yang telah Kami kurniakan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu dikunjungi maut, lalu ia pun berkata: Wahai Tuhanku! Mengapakah tidak Engkau tempohkan ajalku kepada satu tempoh yang dekat (sebentar) supaya dapat aku bersedekah dan menjadi dari orang-orang yang soleh?"(10)

Dalam ayat ini, Al-Qur'an mengingatkan mereka tentang sumber rezeki yang ada di tangan mereka, iaitu rezeki itu adalah datang dari sisi Allah yang mereka beriman kepada-Nya dan yang menyuruh mereka supaya membelanjakan harta mereka ke jalan kebajikan.

مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِيَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ

"Sebelum seseorang dari kamu dikunjungi maut..."(10)

Lalu dia meninggalkan segala harta kekayaannya kepada orang lain kemudian dia melihat dan dapati bahawa dia tidak menyediakan sesuatu apa pun untuk dirinya. Inilah kebodohan yang amat jelas dan kerugian yang amat besar. Di waktu inilah dia berharap-harap dan berangan-angan semoga ajalnya ditangguhkan supaya dia sempat membelanjakan hartanya ke jalan kebajikan dan menjadikan dirinya termasuk di dalam golongan orang-orang yang soleh. Bagaimana ini mungkin berlaku?

وَلَن يُؤَخِّرَ اللَّهُ نَفْسًا إِذَا جَاءَ أَجَلُهَا ۚ

"Dan Allah tidak akan menempohkan seseorang apabila telah tiba ajalnya."(11)

Dan bagaimana pula dengan amalan yang dijadikan bekal untuknya?

وَاللَّهُ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١١﴾

"Dan Allah Maha Mengetahui segala perbuatan yang dilakukan mereka."(11)

Itulah berbagai-bagai sentuhan dalam ayat yang sama. Dan sentuhan itu dibuat sesuai dengan tempatnya setelah Al-Qur'an membentangkan sifat-sifat kaum Munafiqin dan tipu daya mereka terhadap orang-orang Mu'min, dan menyatakan bahawa orang-orang Mu'min berlindung dalam barisan Allah yang menyelamatkan mereka dari tipu daya kaum Munafiqin. Oleh itu, amatlah wajar kepada mereka bangkit melaksanakan komitmen-komitmen keimanan dan bersikap tidak lalai dari mengingati Allah yang menjadi sumber keamanan dan ketenteraman.

Demikianlah Allah mendidik kaum Muslimin dengan Al-Qur'anul-Karim.

******